

Oleh: NOOR ESZEREEN JUFERI

Foto: Arafat Mahsuri Awang

Jasamu tetap terpahat di ingatan dan budimu tetap dikenang. ... Majlis Perpisahan Prof. Dato' Dr. Ir. Mohd Zohadie Bardaie bersama staf bahagian Canseleri diadakan baru-baru ini. Turut hadir pada majlis ini ialah Pegawai Kanan, UPM dan staf-staf Kelab Canseleri

Dalam ucapan beliau pada majlis tersebut, beliau mengatakan agar semua staf UPM akan terus tekun dalam menjalani tugas-tugas yang diamanahkan. Beliau juga merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada warga UPM dan semua pihak yang terlibat selama 34 tahun beliau berkhidmat sebagai Naib Canselor dengan penuh amanah dan dedikasi untuk UPM.

Beliau turut mendoakan agar UPM akan terus berkembang maju dan berjaya menempatkan kedudukannya sebagai sebuah universiti yang terkemuka di peringkat antarabangsa dan memberi sumbangan dari sudut kesarjanaan, pembangunan ekonomi dan kemajuan manusia.

Jasamu tetap dikenang



Detik terakhir Dato' Zohadie Bardaie bertugas sebagai Naib Canselor UPM.